

Pejabat Tanah buka Kaunter Bergerak Smart Selangor

KUALA SELANGOR - Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor akan membuka Kaunter Bergerak Smart Selangor untuk memudahkan penduduk membayar cukai tanah.

Kaunter pembayaran cukai tanah akan dibuka pada hari ini di Balai Raya Kampung Parit Mahang pada jam 9.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Kaunter sama juga akan dibuka di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Kuching pada hari esok pada jam 9.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Penduduk setempat boleh datang membawa bil lama atau salinan surat hak milik jika tidak menerima bil semasa untuk memudahkan urusan.